



The Observer

22.04.2022

❖ GLIC perlu mengamalkan Prinsip Tadbir Urus yang Baik bagi meningkatkan ketelusan

Langkah Kementerian Kewangan wajar dipuji kerana ia telah mengemukakan Prinsip Tadbir Urus yang Baik (*Principles on Good Governance, PGG*) yang akan digunakan oleh syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (*government-linked investment companies, GLICs*).

PGG memainkan peranan sebagai satu-satunya rujukan kepada garis dasar tadbir urus dan amalan kemampanan untuk semua GLIC bagi membolehkan mereka bersiap sedia dengan lebih baik untuk menerima pakai elemen alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance, ESG*) dalam strategi pelaburan mereka.

PGG disokong oleh tiga prinsip utama yang terdiri daripada (i) kepimpinan dan keberkesanan lembaga pengarah; (ii) mengukuhkan komposisi lembaga pengarah; dan (ii) menggalakkan akauntabiliti dan ketelusan dalam pengurusan pelaburan.

Ia disediakan selepas mengambil kira piawaian, amalan dan perbincangan berkaitan tadbir urus awam dan korporat di dalam dan luar negara, termasuk Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (*Malaysia Code on Corporate Governance, MCCG*) yang dikemas kini oleh Suruhanjaya Sekuriti (*Securities Commission, SC*) pada 2021.

Matlamatnya adalah untuk menggalakkan akauntabiliti dan ketelusan merentas entiti termasuk GLIC bersama-sama pihak berkepentingan mereka yang merangkumi kerajaan, pembekal dalam ekosistem dan orang ramai.

GLIC di Malaysia terdiri daripada enam organisasi iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (*Employees Provident Fund, EPF*), Permodalan Nasional Bhd (PNB), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Khazanah Nasional Bhd, Lembaga Tabung Haji (LTH) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Enam GLIC ini mempunyai aset di bawah pengurusan berjumlah RM1.7 trilion, sekali gus menjadikan GLIC sebagai salah satu tonggak utama pembangunan sosio-ekonomi Malaysia.

Malah, jika kaedah PGG ternyata berkesan, ia boleh diperluas kepada syarikat berkaitan kerajaan (*government linked companies, GLC*) yang menyumbang 42% daripada jumlah permodalan pasaran di Bursa Malaysia. Sementara itu, GLIC memiliki

25.9% daripada jumlah permodalan pasaran di bursa tempatan, mewakili aset bernilai RM440.4 bilion di bawah pengurusan. (sumber: StarBiz, "Greater GLC participation in nation building", 30 Oktober 2021).

Oleh yang demikian, apa sahaja yang tindakan yang diambil atau yang tidak dilakukan oleh GLIC dan GLC, mempunyai impak yang besar terhadap pasaran dan tempiasnya turut dirasai oleh pemegang saham minoriti.

Mengukuhkan asas

Menurut Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz, PGG adalah sebahagian daripada program transformasi GLIC/ GLC yang diterajui oleh perbendaharaan dalam tempoh 18 bulan yang lalu yang merangkumi inisiatif Kerajaan iaitu Perkukuh Pelaburan Rakyat (PERKUKUH) yang dilancarkan pada Ogos 2021. Kami pernah menulis tentang inisiatif ini dan mengulas bahawa ia adalah inisiatif yang tepat pada masanya dan berbaloi untuk melonjakkan ekosistem perniagaan dan pasaran modal ke tahap yang lebih tinggi.

Inisiatif ini bertujuan menyumbang kepada mengoptimumkan sumber fiskal Kerajaan, menambah baik pengurusan, mencapai sasaran, memacu pertumbuhan baharu melalui sektor strategik dan menggiatkan pelaburan dalam industri mampan.

Satu lagi keperluan mendesak susulan impak pandemik COVID-19 ialah penstrukturan semula sistem keselamatan sosial. Kerajaan juga telah memulakan projek berkaitan seperti menubuhkan ekosistem bersepadu untuk meneroka industri berasaskan digital, Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) dan 5G (rangkaian mudah alih generasi kelima).

Tengku Zafrul telah menyentuh semua perkara penting jika kita berhenti seketika dan merenung kembali kenyataan beliau iaitu pengarah perlu memimpin melalui teladan. Pengarah bertanggungjawab ke atas ketepatan, ketelusan dan kesetiaan. Pelantikan dan kelayakan seseorang pengarah juga perlu diberikan penekanan yang sewajarnya.

Pengarah menetapkan nada di bahagian pengurusan kanan dan menentukan budaya lembaga pengarah yang akan menjadi contoh kepada kakitangan lain yang dikenali sebagai budaya korporat. Betulkan lembaga pengarah dan semua perkara lain dapat dilaksanakan dengan betul.

ESG yang semakin menonjol

Selain memastikan semua GLIC dapat menyediakan pengawasan yang baik, PGG juga mengesyorkan penubuhan struktur tadbir urus untuk mengawasi elemen ESG dalam strategi pelaburan mereka di masa hadapan.

Berlatarkan pelbagai isu ESG seperti banjir kilat, bencana alam, pencemaran alam sekitar serta isu yang berkait rapat dengan aspek sosial seperti layanan buruk terhadap pekerja asing yang semakin kerap berlaku, menyebabkan GLIC perlu bersedia untuk menghadapi permintaan pasaran yang semakin meningkat terhadap amalan ESG.

Ini adalah penting kerana pelbagai data global menunjukkan bahawa syarikat yang memfokuskan kepada isu ESG berjaya mengurangkan kos, meningkatkan produktiviti

pekerja, mengurangkan pelbagai risiko perniagaan serta mampu mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan.

❖ **Pembaharuan dan penyelarasan berpusat amat penting untuk membendung rasuah dalam GLC**

Susulan isu dan dakwaan terbaru yang melibatkan sesetengah GLC, orang ramai menyeru pihak Kerajaan supaya melaksanakan pembaharuan ke atas pentadbiran GLC bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti.

Antaranya, pertubuhan bukan kerajaan (*non-governmental organisation*, NGO) Rasuah Busters menggesa kerajaan untuk meningkatkan usaha mereka membuat perubahan dalam GLC bagi memastikan ketelusan dan tanggungjawab mereka kepada pembayar cukai.

“Idea terasnya ialah apabila sesebuah GLC memulakan sesuatu projek, tujuan asalnya adalah untuk menjana pertumbuhan menerusi sektor strategik. Pendapatan yang dijana daripada sektor ini sepatutnya digunakan untuk menyediakan bantuan sosio-ekonomi yang lebih besar kepada rakyat,” kata Ketua Pegawai Eksekutif Rasuah Busters. Nurhayati Nordin.

GLC menghadapi cabaran yang tidak mudah dihadapi iaitu mengimbangi keperluan ‘untuk menyediakan kelegaan sosioekonomi yang lebih besar kepada rakyat’ dengan tanggung jawab mereka kepada pemegang saham GLC yang menggunakan wang mereka untuk melabur dalam GLC.

MSWG sentiasa menegaskan bahawa sesetengah GLC perlu diberi nafas baharu kerana mereka secara tradisinya menjadi pelaburan pilihan untuk pemegang saham minoriti semata-mata dan terutamanya kerana statusnya yang berkaitan kerajaan.

Devanesan Evanson Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 25 hingga 29 April 2022

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
25.04.22 (Isnin) 10.00 pagi	Petronas Dagangan Bhd (AGM)	Pendapatan Petronas Dagangan meningkat 20% kepada RM22,505.3 juta pada tahun kewangan 2021, disebabkan oleh harga jualan purata yang lebih tinggi,

		<p>walaupun jumlah jualan menyusut 2%.</p> <p>Keuntungan sebelum cukai bagi tahun kewangan 2021 meningkat sebanyak 92% kepada RM740.8 juta, didorong oleh peningkatan harga minyak. Pada masa yang sama, syarikat mengekalkan disiplin dalam mengawal perbelanjaan operasi yang mana ia dapat dikurangkan sebanyak 3%.</p>
25.04.22 (Isnin) 02.00 petang	Westports Holdings Berhad (AGM)	<p>Walaupun daya pengendalian kontena menyusut sedikit (-1%) pada 10.4 juta unit bersamaan dua puluh kaki (<i>twenty foot equivalent units</i>, TEU) pada tahun 2021, pendapatan operasi Westports meningkat kepada RM1.98 bilion disebabkan oleh pertambahan kapasiti penyimpanan bagi kontena dan kontena sejuk beku (<i>reefer</i>). Sepanjang dua tahun lepas, Westports telah menambah ruang penyimpanan kontennanya sebanyak 12% kepada 52,455 slot tanah dan palam kontena sejuk beku sebanyak 58% kepada 4,132.</p>
26.04.22 (Selasa) 10.00 pagi	MYNews Holdings Berhad (AGM)	<p>Kerugian sebelum cukai Mynews bagi tahun kewangan 2021 meningkat 279% tahun ke tahun kepada RM53.43 juta berbanding kerugian RM14.10 juta pada tahun kewangan 2020.</p> <p>Prestasi yang menurun berpunca daripada pendapatan yang rendah (menyusut 19.4% tahun ke tahun) yang disebabkan oleh gangguan perniagaan berikutan tempoh sekatan/ kawalan pergerakan yang berpanjangan manakala perbelanjaan jualan dan pengedaran mencatatkan penurunan yang lebih perlahan (menyusut 2.7% tahun ke tahun) berbanding penurunan pendapatan. Perbelanjaan</p>

		pentadbiran dan perbelanjaan lain serta kos kewangan turut meningkat (peningkatan 22.7%).
26.04.22 (Selasa) 10.00 pagi	United Plantations Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan meningkat tahun ke tahun sebanyak 52% kepada RM2.03 bilion (tahun kewangan 2020: RM1.34 bilion) disebabkan oleh peningkatan pengeluaran dan harga jualan yang lebih tinggi untuk minyak sawit mentah (<i>crude palm oil, CPO</i>) dan isirong sawit.</p> <p>Selepas membayar cukai durian runtuh yang lebih tinggi berjumlah RM54.9 juta (2020: RM8.2 juta), kumpulan masih merekodkan keuntungan selepas cukai tertinggi berjumlah RM522 juta (2020: RM402 juta), mewakili peningkatan sebanyak 30% berbanding tahun sebelumnya.</p> <p>Kumpulan juga akan membayar jumlah dividen sesaham (<i>dividend per share, DPS</i>) bersih sebanyak 35.29% lebih tinggi iaitu 115 sen untuk tahun kewangan 2021 (termasuk dividen akhir yang dicadangkan) berbanding DPS 85 sen pada tahun kewangan 2020.</p>
27.04.22 (Rabu) 09.30 pagi	Dynaciate Group Berhad (AGM)	<p>Segmen pembinaan menyaksikan penyusutan 72% dalam pendapatan kepada RM15.12 juta, yang menghasilkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM3.95 juta berbanding pendapatan berjumlah RM53.49 juta dan kerugian sebelum cukai berjumlah RM13.71 juta yang dilaporkan pada tahun kewangan berakhir 2020. Pendapatan yang menyusut dengan ketara adalah disebabkan oleh tempahan pesanan yang rendah dan kemajuan kerja yang perlahan, yang terkesan akibat sekatan</p>

		pergerakan berpanjangan yang berkuat kuasa pada tahun dalam tinjauan.
27.04.22 (Rabu) 09.30 pagi	British American Tobacco (M) Berhad (AGM)	Memandangkan industri tembakau adalah industri yang dikawal ketat, sebarang perubahan undang-undang yang dicadangkan akan memberi kesan yang ketara terhadap Syarikat. Perniagaan Syarikat bakal terjejas kerana Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan undang-undang bagi menghentikan penjualan produk tembakau kepada mereka yang lahir selepas 2005.
27.04.22 (Rabu) 10.00 pagi	SP Setia Berhad (AGM)	Walaupun berdepan cabaran yang disebabkan oleh sekatan berpanjangan akibat pandemik, jualan SP Setia mencecah RM4.26 bilion, jumlah tertinggi dalam industri hartanah Malaysia bagi tahun 2021. Jumlah ini juga melepasi sasaran RM3.8 bilion untuk tahun itu. Keuntungan sebelum cukai kumpulan juga kembali ke paras sebelum COVID iaitu RM542 juta, yang mewakili peningkatan sebanyak 76% daripada RM308 juta pada tahun kewangan 2020, tidak termasuk rosot nilai.
27.04.22 (Rabu) 10.00 pagi	Petronas Gas Berhad (AGM)	Petronas Gas menjana pendapatan berjumlah RM5.65 bilion, kira-kira 1% lebih tinggi daripada RM5.59 bilion yang dilaporkan pada 2020. Peningkatan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada segmen Utiliti dan Pengegasan Semula. Perniagaan Utiliti mencatatkan jualan wap yang lebih tinggi kepada pelanggan baharu, manakala segmen Pengegasan Semula memperoleh aliran pendapatan baharu daripada aktiviti pemuatan semula gas asli cecair

		(liquefied natural gas, LNG) di Terminal Pengegasan Semula Sungai Udang dan aktiviti pemuatan lori LNG di Terminal Pengegasan Semula Pengerang.
27.04.22 (Rabu) 10.00 pagi	MISC Berhad (AGM)	Pendapatan MISC meningkat 13.5% kepada RM10,671.7 juta berbanding RM9,401.2 juta pada tahun kewangan 2020. Keuntungan sebelum cukai berjumlah RM1,774.6 juta pada tahun kewangan 2021, berbanding RM1,771.8 juta pada tahun kewangan 2020, berikutan kesan 'one-off' daripada keputusan prosiding timbang tara yang melibatkan Gumusut-Kakap Semi-Floating Production System (L) Ltd yang dikecualikan pada tahun sebelumnya.
27.04.22 (Rabu) 10.00 pagi	Lotte Chemical Titan Holding Berhad (AGM)	Selepas mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM1.04 bilion pada tahun kewangan 2021, LCT bakal berdepan masalah seperti kenaikan harga minyak mentah dan kapasiti pengeluaran baharu yang besar, bermula pada 2022. Penganalisis menjangkakan LCT akan mengalami sebaran margin produk yang rendah disebabkan oleh peningkatan harga nafta.
27.04.22 (Rabu) 10.00 pagi	RHB Bank Berhad (AGM)	Perhatian ditumpukan kepada Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif baharu Kumpulan RHB iaitu Mohd Rashid Mohamad yang mengambil alih teraju kepimpinan daripada Datuk Khairussaleh Ramli, yang meletakkan jawatan pada 25 Mac. Memandangkan pelan strategik lima tahun RHB Bank iaitu FIT22 akan berakhir pada tahun ini, umum pasti teruja menantikan pelan strategik lima tahun yang baharu daripada ketua baharu Kumpulan RHB itu.

27.04.22 (Rabu) 11.00 pagi	Ajiya Berhad (AGM)	Keuntungan bersih Ajiya melonjak hampir 48 kali ganda kepada RM19.3 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding RM0.397 juta pada tahun kewangan sebelumnya, hasil daripada penambahbaikan strategi dan hala tuju perniagaan. Selain itu, operasi dalaman yang diperkemas dan langkah pengoptimuman kos yang inovatif juga telah membantu Kumpulan mengurangkan perbelanjaan operasi dan meningkatkan margin.
27.04.22 (Rabu) 11.30 pagi	RHB Bank Berhad (EGM)	RHB berhasrat mendapatkan persetujuan daripada pemegang saham untuk mewujudkan skim geran saham bagi RHB Bank Berhad dan anak-anak syarikatnya sehingga 2% daripada jumlah saham terbitannya. Ia juga mencadangkan peruntukan dibuat kepada Mohd Rashid Mohamad, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RHB Banking Group.
28.04.22 (Khamis) 10.00 pagi	Malakoff Corporation Berhad (AGM)	Pendapatan Malakoff meningkat 3.0% tetapi keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (<i>profit after tax and minority interest, PATMI</i>) adalah 9.1% lebih rendah terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan tertunda yang dihapus kira bagi Segari Energy Ventures dan sumbangan yang lebih rendah daripada Tanjung Bin Energy. Ini disebabkan oleh pembayaran kapasiti yang lebih rendah serta rosot nilai aset yang disebabkan oleh gangguan ke atas loji.
28.04.22 (Khamis) 10.00 pagi	Nestle (Malaysia) Berhad (AGM)	Nestlé merekodkan jualan berjumlah RM5.7 bilion pada tahun kewangan 2021, meningkat 5.9% berbanding tahun kewangan 2020. Secara

		keseluruhan, pertumbuhan jualan yang kukuh dan pengurusan kos yang berdisiplin membolehkan kumpulan mencatatkan pemulihan dalam keuntungan bersih kepada RM569.8 juta.
28.04.22 (Khamis) 10.00 pagi	Digistar Corporation Berhad (EGM)	Mesyuarat agung luar biasa ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan penyatuan setiap tiga saham biasa sedia ada dalam Digistar kepada satu Saham Digistar dan cadangan pengurangan modal saham terbitan Digistar menurut Seksyen 116 Akta Syarikat 2016.
28.04.22 (Khamis) 10.00 pagi	Bintulu Port Holdings Berhad (AGM)	Walaupun terdapat penurunan sebanyak 0.93% dan 0.84% dalam volum pengendalian dan pelabuan singgahan tahunan kepada 47.17 juta tan dan 6,735 singgahan pada tahun kewangan 2021, pendapatan operasi Pelabuhan Bintulu meningkat 2.98% kepada RM728.39 juta pada 2021. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pelaksanaan Rancangan Tindak Balas Perniagaan yang berkesan.
28.04.22 (Khamis) 11.00 pagi	Country View Berhad (AGM)	Prestasi kewangan Country View sebahagian besarnya dipacu oleh perniagaan pembangunan hartanah. Pada tahun kewangan 2021, pendapatan dan keuntungan sebelum cukai syarikat masing-masing menyusut 24% dan 50% tahun ke tahun disebabkan oleh penurunan bilangan hartanah yang dijual.
28.04.22 (Khamis) 03.00 petang	Maxis Berhad (AGM)	Pendapatan daripada rangkaian perkhidmatan Maxis meningkat 1.9% kepada RM7,980 juta, didorong oleh perniagaan teras yang berdaya tahan dan pertumbuhan dalam perniagaan jalur lebar fiber. Walau bagaimanapun, keuntungan bersihnya menyusut 5.4% kepada

		<p>RM1,308 juta, terutamanya disebabkan oleh pelaburan berskala besar yang dibuat secara berterusan untuk mengukuhkan rangkaian Maxis, penyelesaian perusahaan dan liputan fiber serta penggunaan berhemah bagi mengurangkan hayat spektrum. Ini mengakibatkan kos susut nilai dan pelunasan yang tinggi.</p> <p>Maxis sedang mengalihkan tumpuan daripada purata pendapatan setiap pengguna (<i>average revenue per user, ARPU</i>) kepada purata pendapatan setiap akaun (<i>average revenue per account, ARPA</i>). Anjakan paradigma ini didorong oleh penyelesaian dan ketersambungan.</p>
--	--	---

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara/ Isu untuk diketengahkan
Petronas Dagangan Bhd (AGM)	<p>Segmen runcit PETDAG melaporkan pendapatan tahunan berjumlah RM15,369.8 juta, RM11,178.3 juta dan RM12,612.6 juta untuk tahun kewangan 2019, 2020 dan 2021.</p> <p>a) Berdasarkan pendapatan segmen di atas, berapakah sumbangan pendapatan daripada penjualan bahan api dalam segmen runcit untuk tahun kewangan 2019, 2020 dan 2021?</p> <p>b) Sudah menjadi trend di seluruh dunia, industri automotif sedang beralih daripada kenderaan enjin pembakaran dalaman kepada kenderaan elektrik (<i>electric vehicles, EV</i>). Kecekapan enjin pembakaran dalaman telah dipertingkat sejak beberapa tahun lalu yang mana ini melemahkan permintaan bahan api fosil di stesen minyak secara berperingkat. Memandangkan pada masa ini, penjualan bahan api menjadi penyumbang utama kepada pendapatan dan keuntungan kumpulan, apakah langkah yang diambil/ akan dilaksanakan oleh PETDAG untuk menangani potensi jurang pendapatan dalam jangka masa panjang?</p>

Westports Holdings Berhad (AGM)	<p>Westports sedang berusaha memuktamadkan butiran perjanjian konsesi dengan Kerajaan Malaysia untuk mengembangkan terminal kontena Westports daripada CT10 kepada CT17.</p> <p>a) Bilakah rundingan dengan Kerajaan mengenai syarat-syarat konsesi ini dijangka dimuktamadkan?</p> <p>b) Daripada lapan terminal kontena baharu (CT10 hingga CT17), berapakah bilangan terminal kontena yang disasarkan untuk dibina dalam fasa pertama? Berapa lamakah anggaran tempoh pembinaan?</p> <p>c) Sejauh manakah pembinaan terminal baharu yang terletak bersebelahan terminal sedia ada akan mengganggu operasi dan kadar penggunaan terminal kontena sedia ada?</p>
MYNews Holdings Berhad (AGM)	<p>Kedai runcit serbaneka dan pembuatan produk bakeri dan makanan sedia untuk dimakan adalah perniagaan teras kumpulan. Dalam senarai "Hartanah, loji, mesin dan peralatan" (halaman 94 dan 95, Prospektus Tawaran Awam Awal (<i>Initial Public Offering</i>, IPO) bertarikh 4 Mac 2016) dan dalam senarai hartanah kumpulan (halaman 147 dan 148, Laporan Tahunan 2021), terdapat kedai pejabat, lot pejabat, suite pejabat yang sudah disewakan atau masih kosong.</p> <p>a) Memandangkan Mynews tidak terlibat dalam perniagaan pelaburan hartanah, apakah rasional pembelian hartanah ini?</p> <p>b) Jika hartanah di atas bertujuan dijadikan sebagai pelaburan, dengan struktur kos sebuah syarikat tersenarai, adakah wajar syarikat memegang sejumlah hartanah ini yang mempunyai nilai pasaran serendah RM270k (selepas penilaian semula pada 4 Oktober 2021)?</p> <p>c) Mynews Holdings Berhad telah mengembangkan cawangannya dengan pesat sehinggalah kemunculan pandemik COVID-19. Tambahan pula, CU Malaysia telah menetapkan sasaran yang tinggi iaitu pembukaan sebanyak 500 kedai dalam tempoh 5 tahun. Bukankah lebih bijak jika syarikat memperuntukkan atau menggunakan semula modal yang digunakan untuk hartanah ini bagi menambah outlet?</p>
United Plantations Berhad (AGM)	Seperti kebanyakan syarikat perladangan lain, United Plantations menghadapi kekurangan tenaga kerja paling buruk sepanjang 2020 dan 2021, yang sehingga

	<p>hari ini terus menjadi cabaran utama dalam operasi syarikat. (Halaman 14, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Sejauh mana perkembangan isu kekurangan buruh Kumpulan, adakah ia telah ditambah baik atau kembali normal?</p>
Dynaciate Group Berhad (AGM)	<p>Prestasi Kumpulan mencatatkan peningkatan dengan keuntungan sebelum cukai (<i>profit before tax, PBT</i>) berjumlah RM14.20 juta, suatu lonjakan ketara daripada kerugian sebelum cukai (<i>loss before tax, LBT</i>) yang berjumlah RM18.15 juta pada tahun kewangan 2020. Ini berkaitan pengiktirafan keuntungan nilai saksama yang berjumlah RM18.97 juta daripada hartanah pelaburan yang terletak di Pulau Pinang (Halaman 9, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Tanpa keuntungan nilai saksama yang berjumlah RM18.97 juta, DGB akan menanggung kerugian sebelum cukai sebanyak RM4.77 juta pada tahun kewangan 2021 (Halaman 50, Laporan Tahunan 2021). Mampukah DGB merekodkan keuntungan sebelum cukai tanpa sumbangan yang besar daripada pendapatan bukan teras, pada masa hadapan?</p>
British American Tobacco (Malaysia) Berhad (AGM)	<p>Jumlah jualan Syarikat pada tahun kewangan berakhir 2021 mencatatkan pertumbuhan buat kali pertama sejak 2002. Ini dibantu oleh penurunan 6.1% dalam pasaran rokok haram pada tahun kewangan yang sama. Memandangkan pasaran haram masih besar iaitu kira-kira 57%, apakah langkah tambahan yang boleh diambil oleh Kerajaan menerusi campur tangan penguatkuasaannya bagi mengurangkan kesan pasaran rokok haram pada masa hadapan? (Halaman 24, Laporan Tahunan 2021)</p>
SP Setia Berhad (AGM)	<p>Sebidang tanah seluas 5.1 ekar telah dikenal pasti di Setia Eco Templer sebagai tapak strategik untuk kemudahan kediaman warga emas dan hidup berbantu bersepadu pertama SP Setia. Kemudahan baharu ini disasarkan untuk menyediakan kehidupan alternatif berasaskan komuniti kepada pesara generasi baharu. (Halaman 72, Laporan Bersepadu)</p> <p>a) Apakah permintaan pasaran untuk kemudahan hidup berbantu dan penjagaan warga emas ini?</p> <p>b) Memandangkan ini adalah usaha perniagaan baharu, bagaimanakah Syarikat memastikan kemudahan hidup berbantu dan penjagaan warga emas ini akan meraih populariti?</p>

	<p>c) Bilakah jangkaan pelancaran projek hartanah ini?</p> <p>d) Sila namakan perbandaran SP Setia yang berpotensi menjadi lokasi Syarikat untuk melancarkan kemudahan hidup berbantu dan penjagaan warga emas ini.</p>
Petronas Gas Berhad (AGM)	<p>Seperti yang dikongsikan dalam laporan tahunan syarikat bagi tahun kewangan 2021, pasaran bekalan dan permintaan gas serantau dijangka kekal teguh kerana gas memainkan peranan utama sebagai bahan api peralihan dalam campuran tenaga. Oleh yang demikian, permintaan gas daripada industri tenaga dijangka bertambah baik selepas loji janakuasa arang batu dihentikan operasinya. Selain itu, mungkin terdapat permintaan gas tambahan daripada sektor bukan tenaga yang datang daripada hab perindustrian baharu pada masa hadapan. Apakah rancangan jangka sederhana kumpulan bagi memanfaatkan permintaan untuk gas asli yang semakin meningkat?</p>
MISC Berhad (AGM)	<p>Penghutang dagangan (tidak termasuk jumlah terhutang daripada pelanggan berkontrak dan pajakan kewangan belum diterima) yang melepasi tempoh 90 hari melonjak daripada RM838.7 juta pada akhir tahun kewangan 2019 dan RM1,139.8 juta pada akhir tahun kewangan 2020 kepada RM2,063.7 juta pada akhir tahun kewangan 2021.</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam jumlah penghutang perdagangan yang melepasi tempoh 90 hari?</p> <p>b) Segmen manakah dalam MISC yang membawa jumlah penghutang dagangan tertinggi (RM2,063.7 juta) yang melepasi tempoh 90 hari pada akhir 2021?</p> <p>c) Apakah kebarangkalian kumpulan mendapatkan semula jumlah RM2,063.7 juta itu?</p> <p>d) Apakah langkah yang diambil oleh kumpulan untuk mendapatkan semula jumlah penghutang yang tertunggak?</p>
Lotte Chemical Titan Holding Berhad (AGM)	<p>Prestasi kewangan LCT didorong oleh margin produk utama dan harga jualan purata produk (<i>average selling price, ASP</i>) yang lebih tinggi. Ini disebabkan oleh permintaan pasaran yang bertambah baik serta gangguan bekalan di peringkat global.</p> <p>Adakah harga jualan purata yang dinaikkan dijangka dapat bertahan pada tahun kewangan 2022</p>

	<p>berdasarkan dinamik penawaran dan permintaan semasa? Apakah faktor yang mendorong kenaikan harga jualan purata olefin dan poliolefin pada tahun kewangan 2022?</p> <p>Adakah sebaran margin produk yang lebih tinggi dihakis oleh potensi kenaikan kos dan kenaikan harga nafta pada masa hadapan?</p>
RHB Bank Berhad (AGM)	<p>Walaupun memperoleh pendapatan yang tinggi iaitu RM905.1 juta pada tahun kewangan 2021 (tahun kewangan 2020: RM839.3 juta), perniagaan Perbankan Korporat Kumpulan (<i>Group Corporate Banking, GCB</i>) RHB (di bawah segmen Perbankan Borong Kumpulan) menyaksikan penyusutan 79.4% dalam keuntungan sebelum cukai kepada RM103.2 juta disebabkan oleh peruntukan kerugian kredit yang tinggi (halaman 76, Laporan Bersepadu 2021).</p> <p>Apakah nisbah rosot nilai pinjaman kasar (<i>gross impaired loan, GIL</i>) untuk perniagaan GCB? Apakah industri dan negara yang dikaitkan dengan peruntukan ini? Bagaimanakah kualiti aset pelanggan korporat RHB pada tahun kewangan 2022?</p>
Ajiya Berhad (AGM)	<p>Strategi utama Ajiya untuk bahagian Kaca Keselamatan tidak hanya terhad kepada meningkatkan kecekapan operasi dan menambah baik margin tetapi untuk terus mengukuhkan kapasiti penyelidikan dan pembangunan dalaman bagi menyediakan produk yang berkualiti tinggi dan inovatif kepada pasaran (Halaman 30, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Apakah perkembangan terkini inisiatif yang dinyatakan di atas iaitu menyediakan produk yang berkualiti tinggi dan inovatif kepada pasaran?</p>
Malakoff Corporation Berhad (AGM)	<p>Di bawah Transformasi Strategik Malakoff 2.0, kumpulan menasarkankan untuk meningkatkan penjanaan kuasa habanya kepada 10,000MW menjelang 2031. Pada masa ini, kumpulan mempunyai jumlah kapasiti berkesan sebanyak 6,410MW dengan beberapa perjanjian pembelian tenaga yang tamat sebelum 2031.</p> <p>a) Merujuk pelan hala tuju Malakoff ke arah mengurangkan keamatan pelepasan gas rumah hijau (<i>greenhouse gas, GHG</i>) sebanyak 30% menjelang 2031, apakah kebarangkalian Perjanjian Pembelian Tenaga untuk Loji Janakuasa Tanjung Bin dan Loji Janakuasa Tenaga Tanjung Bin dilanjutkan</p>

	<p>selepas tamat tempoh masing-masing pada tahun 2031 dan 2041?</p> <p>b) Selain pasaran domestik, di manakah lokasi yang disasarkan oleh Malakoff untuk mengembangkan kapasiti penjanaan kuasa habanya di bawah Transformasi Strategik Malakoff 2.0?</p> <p>c) Berapakah jumlah kapasiti penjanaan kuasa haba yang sedang dibida oleh Malakoff?</p>
Nestle (Malaysia) Berhad (AGM)	<p>Nestlé terus melabur untuk masa hadapan dengan perbelanjaan modal berjumlah RM275 juta pada tahun 2021. Pelaburan ini sebahagian besarnya digunakan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran di beberapa kemudahan pembuatannya serta menceburi kategori baharu seperti Makanan Berasaskan Tumbuhan (Halaman 13, Ulasan Tahunan 2021).</p> <p>a) Berapakah jangkaan peningkatan kapasiti pengeluaran (dalam peratus) dan bilakah kapasiti yang dipertingkatkan itu disasarkan untuk beroperasi sepenuhnya?</p> <p>b) Berapa peratuskah kapasiti pengeluaran yang diperuntukkan untuk Makanan Berasaskan Tumbuhan?</p>
Bintulu Port Holdings Berhad (AGM)	<p>Walaupun daya pengendalian kargo berjumlah 47.17 juta tan metrik (<i>metric ton, MT</i>) yang direkodkan pada tahun kewangan 2021 adalah yang terendah bagi kumpulan dalam tempoh lima tahun yang lalu, daya pengendalian kontena mengatasi trend dengan mencapai 356,424 unit bersamaan dua puluh kaki (<i>twenty foot equivalent units, TEU</i>) pada tahun kewangan 2021, jumlah tertinggi dalam tempoh lima tahun terkini walaupun industri menghadapi kekurangan kontena penghantaran pada tahun kewangan 2021.</p> <p>a) Apakah sebab utama di sebalik perbezaan antara penyusutan dalam daya pengendalian kargo dan pertambahan dalam bilangan kontena yang dikendalikan seperti yang dinyatakan di atas?</p> <p>b) Apakah jangkaan lembaga pengarah terhadap daya pengendalian kargo dan kontena kumpulan untuk tahun kewangan 2022?</p>
Country View Berhad (AGM)	<p>Kumpulan menjual hartanah siap berjumlah RM36.4 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding RM59.8 juta pada tahun kewangan 2020.</p>

	<p>Kos jualan hartanah siap pada tahun kewangan 2021 ialah RM27.33 juta. Amaun ini jauh lebih tinggi berbanding RM17.1 juta pada tahun kewangan 2020. (Halaman 106, Laporan Tahunan).</p> <p>Keuntungan kasar hartanah siap pada tahun kewangan 2021 ialah 24.9% berbanding 71.4% pada tahun kewangan 2020.</p> <p>a) Mengapakah margin keuntungan kasar bagi hartanah siap yang dijual pada tahun kewangan 2021 lebih rendah berbanding tahun kewangan 2020?</p> <p>b) Apakah strategi yang digunakan untuk mengurangkan jumlah hartanah siap yang dipegang untuk dijual?</p>
<p>Maxis Berhad (AGM)</p>	<p>Maxis sedang memperluas rangkaian penyelesaian dan keupayaan teknikalnya dalam keselamatan awan dan rangkaian menerusi beberapa pemerolehan utama pada tahun tersebut iaitu Peering One Sdn. Bhd. dan Mykris Asia Sdn. Bhd. (Halaman 23, Laporan Tahunan Bersepadu 2021)</p> <p>Bagaimanakah kesemua pemerolehan ini (termasuk yang terdahulu) meningkatkan daya saing Maxis dan diterjemahkan kepada peningkatan dalam pendapatan kumpulan? Sila berikan angka perbandingan, jika boleh.</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)
Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
-

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada

pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.